

— Usaha mencegah penyeludupan

Periuk2 api di sempadan masih dikaji

ALOR SETAR, Rabu — Pasukan Keselamatan sedang mengkaji jenis periuk api yang sesuai untuk ditanam di sepanjang pagar keselamatan sempadan Malaysia—Thai, demikian Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Syed Ahmad Shahabudin, berkata hari ini.

Katanya, kemungkinan memasang periuk api di kawasan pagar itu akan diberi pertimbangan khas sekiranya segala langkah yang diambil tidak memberikan kesan dalam usaha mencegah penyeludupan.

Dalam satu pertemuan di sini hari ini Tan Sri Syed Ahmad memberitahu bahawa pihak berkuasa telahpun selesai memasang ranjau-ranjau di sepanjang pagar keselamatan sebagai usaha meningkatkan lagi gerakan membentaras penyeludupan.

"Kerajaan memandang berat penyeludupan dadah dan senjata dari negeri Thai dan segala langkah akan di ambil bagi membendung kegiatan itu," ujarnya.

Memasang ranjau

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.Mahathir Mohamad, telah membayangkan kemungkinan memasang ranjau dan periuk api di sepanjang sempadan Malaysia —Thai ketika meninjau kawasan itu bulan lalu.

Menurut beliau, langkah itu perlu diambil bagi menyekat perbuatan memotong pagar keselamatan oleh penyeludup-penyeludup di samping mencegah penyeludupan.

Tan Sri Syed Ahmad juga memberitahu anggota-anggota Unit Pencegah Penyeludupan kini memperhebatkan rondaan-rondaan biasa di sepanjang pagar keselamatan itu.

Sementara itu, papan-papan amaran bertulis "Bahaya: Periuk Api" sedang giat disedlakan oleh sebuah kedai membuat papan-papan tanda di sini.

Adalah dipercayai papan-papan amaran itu akan dipasang di kawasan-kawasan tertentu sepanjang kawasan keselamatan itu sebaik sahaja periuk api dipasang kelak.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia